

14 MAY 1997

Pas - Anwar

ANWAR BOLEH PIMPIN NEGARA, KATA YUSOFF RAWA

PULAU PINANG, 14 Mei (Bernama) -- Bekas Yang Dipertua Agung PAS, Haji Yusoff Rawa hari ini berkata beliau yakin dengan kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan percaya bahawa Timbalan Perdana Menteri itu boleh melaksanakan tugas sebagai pemangku Perdana Menteri dengan baik dalam tempoh lantikannya.

Beliau berkata, Anwar adalah seorang pemimpin yang mempunyai stail kepimpinan terbaik dalam UMNO dan beliau yakin Anwar mampu menjadi Perdana Menteri satu hari nanti.

"Jika Anwar dilantik menjadi Perdana Menteri pun bukanlah sesuatu yang mengejutkan saya kerana beliau memang mempunyai potensi untuk menjawat jawatan itu", katanya ketika ditemui di rumahnya di sini.

Yusoff berkata, beliau bukan sahaja mempunyai hubungan yang baik dengan Anwar tetapi mengenali diri Anwar secara peribadi sejak menjadi pemimpin pelajar di universiti lagi.

Katanya, semasa Anwar menjadi Presiden ABIM, hubungan Anwar dengannya menjadi lebih akrab malahan mereka berdua pernah bersama ketika menghadiri persidangan Belia Islam Sedunia di Libya satu ketika dahulu.

Yusoff berkata demikian sebagai mengulas pelantikan Anwar sebagai pemangku Perdana Menteri selama dua bulan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mulai Isnin depan semasa Perdana Menteri bercuti untuk tempoh berkenaan.

Pada perkembangan lain, beliau berkata, kepimpinan PAS haruslah menggunakan pendekatan untuk berbaik dengan UMNO bagi mempertingkatkan imej kepimpinan Islam di negara ini.

Katanya, sikap sederhana dan memperjuangkan kedaulatan agama Islam sebagai agenda utama dan para pemimpin PAS tidak lagi harus berkasar dalam menyampaikan mesej parti.

"Kepimpinan PAS hari ini jauh lebih baik dari dahulu dan barisan kepimpinannya haruslah bersatu dengan mengutamakan Islam dari berbelah pendapat mengenai cara pendekatan", katanya.

Yusoff berkata, saranan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat mengenai cara pendekatan PAS yang harus menggunakan kaedah berbaik dengan UMNO sebenarnya adalah satu saranan yang baik kerana parti itu tidak menentang para pemimpin UMNO tetapi ia menentang dasar yang diamalkan oleh UMNO. -- BERNAMA

AA AHM OBA